

D039

U B120 DEB
MAHATHIR - GAS

KUANTAN, 30 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, KERAJAAN AKAN BERUSAHA UNTUK MEMASTIKAN PERSAINGAN ANTARA GAS ASLI DAN KUASA ELEKTRIK TIDAK MENJEJASKAN KEPENTINGAN NEGARA.

SAMBIL MENGAKUI BAHAWA KERAJAAN SEDAR TENTANG ADANYA DEBAT MENGENAI PERSAINGAN ANTARA DUA PUNCA TENAGA TERSEBUT, BELIAU BERKATA BAHAWA PERSAINGAN ITU BERLAKU DI SEMUA NEGARA YANG MENGGUNAKAN BAHAN ITU.

+INI ADALAH SATU PERKEMBANGAN YANG SIHAT YANG AKAN MENGUNTINGKAN PENGGUNA,+ KATANYA KETIKA MELANCARKAN PROJEK PENGGUNAAN GAS SEMENANJUNG PERINGKAT II (PGU-II) DI SINI.

+KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN AKAN MENJAGA KEPENTINGAN LEMBAGA LETRIK NEGARA (LLN) DAN PETRONAS, DI SAMPING MEMBERI PULANGAN YANG SESUAI KEPADA PIHAK LAIN YANG TURUT MELABUR DALAM PROJEK GAS INI,+ KATANYA LAGI.

KETIKA DITANYA OLEH PEMBERITA KEMUDIANNYA, MENGENAI +ANCAMAN+ YANG BOLEH DIBERIKAN OLEH TENAGA GAS ASLI KEPADA ELN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, +ANCAMAN+ TERSEBUT TIDAKLAH BEGITU SERIUS.

BELIAU SETERUSNYA MENGULANGI JAMINANNYA BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH BAGI MENGELAKKAN MANA-MANA PIHAK TERJEJAS AKIBAT PERSAINGAN ANTARA KEDUA-DUA PUNCA TENAGA ITU. -- LAGI
1133MST 30 06 89

D045

R B123 DEB
MAHATHIR - GAS 2 KUANTAN

DALAM UCAPANNYA, PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, GAS ASLI HENDAKLAH DILIHAT SEBAGAI SUMBER TENAGA YANG SALING MEMBANTU KEPADA KUASA ELEKTRIK.

MALAH, DI SESETENGAH NEGARA, KATANYA, KERAJAAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN TENAGA ITU UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA PERMINTAAN KEDIAMAN DAN KOMERSIL, BAGI MENGURANGKAN TEKANAN KE ATAS SISTEM ELEKTRIK DI SAMPING MEMPELBAGAIKAN SUMBER TENAGA.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA BERKATA, ADA KIRA-KIRA 1.48 TRILLION METER PADU SIMPANAN GAS ASLI DI NEGARA INI KINI BERBANDING DENGAN SIMPANAN MINYAK NEGARA KIRA-KIRA 3,100 JUTA TONG.

+JUSTERU ITU TIDAK SAHAJA LOJIK, MALAH WAJAR SEKALI DARIPADA SEGI EKONOMI BAGI MALAYSIA UNTUK MEMBANGUNKAN SUMBER GAS ASLINYA BAGI MEMENUHI KEPERLUAN-KEPERLUAN DOMESTIK,+ KATANYA.

BELIAU SETERUSNYA MENYATAKAN KEBAIKAN DALAM PENGGUNAAN GAS, MISALNYA DARIPADA SEGI ALAM SEKITAR YANG BERSIH KERANA PENGGUNAAN GAS DAPAT MENGURANGKAN PENCEMARAN UDARA DAN PENGELUARAN KARBON DIOKSIDA. -- LAGI
1213MST 30 06 89

DO46

R B124 DEB
MAHATHIR - GAS 3 KUANTAN

+WALAUPUN MASALAH ALAM SEKITAR MALAYSIA BELUM MENCAPAI TAHAP YANG DIALAMI OLEH NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN, KITA JUGA MEMANDANG BERAT TENTANG KESAN-KESAN PEMANASAN UDARA DAN HUJAN ASID.

+DENGAN SUMBER GAS ASLI KITA YANG BESAR JUMLAHNYA MAKA BAHAN INI MERUPAKAN PILIHAN YANG SESUAI DARIPADA SEGI KEBERSIHAN DAN SEKITAR,+ KATANYA LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENGAITKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DENGAN PENGGUNAAN TENAGA DAN MENAMBAH KATA, PERTUMBUHAN EKONOMI PADA TAHUN LEPAS IALAH PADA KADAR 8.7 PERATUS MANAKALA PADA TAHUN INI DAN TAHUN DEPAN DIJANGKA BERADA PADA KADAR TUJUH PERATUS.

HASIL DARIPADA PERKEMBANGAN ITU, KATANYA, PERMINTAAN TENAGA NEGARA DIJANGKA TERUS MENINGKAT PADA KADAR EMPAT HINGGA LIMA PERATUS SETAHUN DAN BERDASARKAN UNJURAN ITU JUGA, PENGGUNAAN TENAGA DI NEGARA INI DIJANGKA BERSAMAAN KIRA-KIRA 600,000 TONG MINYAK SEHARI MENJELANG TAHUN 2005.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR PAHANG TAN SRI KHALIL YAAKUB, MENTERI BELIA DAN SUKAN DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, PENERUSI PETRONAS TAN SRI HAJI BASIR ISMAIL DAN PENERUSI PETRONAS GAS SDN BHD, TAN SRI AZIZAN ZAINUL ABIDIN. -- LAGI
1216MST 30 06 89

DO48

R B126 DEB
MAHATHIR - GAS 4 KUANTAN

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELAKUKAN UPACARA MENCANTUMKAN SALURAN PAIP MENERUSI PROSES KIMPALAN, DI TAPAK BERKENAAN.

PROJEK PGU-II ITU MELIBATKAN PENGEMBANGAN LOJI PEMROSESAN GAS DI KERTIH, TERENGGANU DAN TERMINAL EKSPORT DI TANJUNG SULONG, DI SINI DAN PEMBINAAN SEBUAH TALIAN PAIP PENGHANTARAN GAS KE STESEN-STESEN JANAKUASA PANTAI BARAT DAN SELATAN SEMENANJUNG.

PROJEK YANG DILAKSANAKAN OLEH PETRONAS ITU, DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 1991. -- BERNAMA
1218MST 30 06 89